



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
HIJRAH,  
PERJUANGAN MENUJU  
KEBAIKAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "HIJRAH, PERJUANGAN MENUJU KEBAIKAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢١٨﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>	
Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk " <b>HIJRAH; PERJUANGAN MENUJU KEBAIKAN.</b> "	6



Perubahan adalah satu sunnatullah atau peraturan Ilahi yang pasti berlaku di alam semesta ini. Tidak ada sesuatu pun yang wujud di atas muka bumi ini melainkan pasti akan menghadapi perubahan untuk kebaikan sama ada secara fizikal mahupun secara spiritual memerlukan perjuangan yang berterusan daripada diri kita sendiri.

7

Allah SWT memberikan contoh yang jelas berkaitan perubahan yang berlaku dalam diri manusia menerusi firman-Nya dalam surah al-Rum ayat 54:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً  
ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

﴿٥٤﴾

8

*"Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya dan dialah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa."*

9

Islam dalam sejarah kelangsungannya di atas pentas kehidupan ini adalah agama yang amat menekankan pentingnya perubahan. Proses perubahan tersebut tidak hanya terhad pada sifat dan perilaku manusia, malah ia turut menganjakkan paradigma pemikiran dan sistem kehidupan. Perubahan inilah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang agenda utamanya adalah untuk melakukan perubahan iaitu perubahan daripada kehidupan yang penuh jahiliah, kekufuran, kezaliman dan sebagainya kepada kehidupan yang penuh keimanan, keadilan dan kesejahteraan sejati. Inilah yang ditegaskan Allah SWT sebagai perubahan daripada kegelapan kepada cahaya iman.

10



Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 1:

الرَّ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ  
بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

11

*"Alif Lam Raa. Ini ialah kitab (al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhamad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah yang Maha Berkuasa lagi Maha Terpuji."*

12

Jelas di sini bahawa manusia amat dituntut supaya melakukan perubahan dalam kehidupan mereka iaitu berubah daripada keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang baik dan juga daripada keadaan yang baik kepada keadaan yang lebih baik lagi.

13

Barangkali inilah maksud Rasulullah SAW melalui sabdanya yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah Radhiallahu'anha:

لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ وَإِذَا اسْتُنْفِرْتُمْ فَانْفِرُوا

14

*"Tiada lagi hijrah selepas pembukaan Makkah, tapi dengan jihad juang dan niat yang tulus dan bila kamu diperintahkan berjihad maka hendaklah kamu patuhinya."*

15

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*



**Hadirin Jumaat yang dirahmati,**

Hijrah di sini bukan bermakna kita cuba melarikan diri atau mahu menyerah kalah, sebaliknya ia lebih merupakan salah satu koleksi nostalgia silam bermotifkan menyedarkan umat Islam tentang persediaan untuk menyusun strategi di dalam medan perjuangan yang penuh cabaran dan dugaan dan juga merupakan satu tuntutan komitmen berasaskan ketulusan niat, kekentalan azam dan kemantapan iman serta menyimpul kemas satu keyakinan baharu untuk mencapai kesejahteraan hakiki dan juga kebahagiaan yang abadi di dunia dan akhirat.

16

Di samping itu, Allah SWT juga memerintahkan umat Islam supaya melakukan perubahan sebagai mana firman Allah dalam surah al-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

*"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."*

17

Di dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman, maksud ayat di atas menjelaskan mana-mana kaum yang hidup senang lenang dan aman damai disebabkan oleh iman dan taat kepada Allah SWT, juga oleh akhlak yang mulia dan terpuji. Sehubungan itu, Allah tidak akan mengubah keadaan mereka yang baik itu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dari iman dan taat kepada kufur dan maksiat dan dari akhlak yang mulia kepada akhlak yang keji kerana segala sifat dan perbuatan yang jahat dan keji itulah sebab yang membawa kehancuran. Demikianlah sunnatullah atau undang-undang peraturan Allah yang tetap berlaku kepada sekalian makhluk-Nya.

18



### **Hadirin Jumaat yang berbahagia,**

Meninjau senario umat Islam kini, betapa mereka terhumban jauh dalam persaingan hidup dengan bergelut pelbagai kancas kegawatan dan krisis yang mewajarkan umat Islam kini terhimpit dengan kemelut kemunduran, kemiskinan, kejahilan, perpecahan, perbalahan sesama sendiri, kelemahan, kemelaratan, malahan terheret sama ke arah kehancuran akhirnya. Ironisnya, kehidupan umat Islam kini sudah begitu sinonim dan sehati dengan krisis dan kemelut yang membelenggu di sepanjang perjalanan hidup mereka dan tidak hairanlah umat Islam kini dilabelkan dengan pelbagai jolokan yang menjatuhkan maruah dan imej mereka pada kaca mata dunia seperti umat mundur, umat pelampau, umat konservatif atau jumud, umat akhirat semata-mata dan sebagainya. Umat Islam seolah-olah begitu rela dan reda dengan gelaran yang sedemikian, padahal semuanya itu menjatuhkan air muka mereka sendiri dan akibatnya mereka begitu daif dan ketinggalan untuk bersaing dan meneruskan kesinambungan Islam di persada dunia yang begitu mencabar.

19

Sebenarnya, krisis demi krisis yang menimpa umat Islam ini bukan hanya melibatkan kepada segelintir umat Islam sahaja, malahan ia turut melibatkan semua lapisan masyarakat Islam sama ada individu Muslim sendiri, institusi keluarga Muslim, masyarakat Islam dan juga kerajaan Islam. Semua mereka mempunyai sumbangannya yang tersendiri dalam menentukan hala tuju dan visi sesuatu bangsa. Seandainya setiap pihak dari warga Muslim berperanan sebaik-baiknya menurut ketentuan Ilahi, sudah pastinya keunggulan dan kecemerlangan menjadi milik mereka dan sebaliknya, jika tidak, kedaifan dan kemalapan juga yang melingkari hidup mereka selamanya.

20



Justeru, perjuangan demi perubahan amat penting dilakukan bermula dari sekarang dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada dari segi pemikiran, pemahaman, penghayatan dan pengamalan secara menyeluruh terhadap ajaran Islam selaras dengan firman Allah SWT.

21

Menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

22

*"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hakamnya dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi kamu."*

23

**Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa inti pati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Kita hendaklah menyedari bahawa perjuangan menuju kebaikan adalah suatu tuntutan kepada semua umat Islam yang Mukallaf.
2. Kita hendaklah berazam melakukan perubahan kerana Allah tidak akan merubah nasib suatu kaum selagimana tiada usaha dan perjuangan ke arahnya.
3. Kita hendaklah mengetahui bahawa Allah mengasihi hambanya yang bertaubat dan sentiasa memperbaiki diri ke arah kebaikan.

24



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ  
يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ  
أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

25

"Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

26

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31





## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21